

Dedah Permainan Tradisional Kepada Pelajar Antarabangsa

Pusat Budaya dan Seni -PBS

Mon 09/10/2017 10:00 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

09 OKTOBER 2017, ISNIN | 19 MUHARAM 1439H



HEP: Generasi muda perlu didedahkan dengan permainan tradisional supaya warisan itu terus menjadi aktiviti yang dapat merapatkan silaturrahim serta mengisi masa lapang dengan berfaedah.

Justeru, Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, Kedah telah menganjurkan program Asuhan Permainan Tradisional pada 6 dan 7 Oktober baru-baru ini bertempat di Laman Siswa.

Program ini bertujuan sebagai pendedahan kepada mahasiswa mengenai permainan tradisional dan alat muzik tradisional. Antara permainan tradisional yang ditonjolkan adalah congkak, batu seremban, dam haji dan muzik Mek Mulung.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, permainan tradisional juga tidak kurang seperti permainan moden yang menguji sejauh mana kecekapan serta kepantasan seseorang.

"Setiap pusat kebudayaan di universiti harus memainkan peranan penting dalam mengetengah dan mendidik mahasiswa untuk mengenali permainan tradisional seperti congkak dan batu seremban.

"Selain itu, program seperti ini juga memberi manfaat kepada generasi muda kerana jika tidak diambil serius, permainan tradisional bakal hilang ditelan zaman", katanya.

Menurut Tze She Ching, pelajar mobiliti dari China, program ini amat menarik kerana ia secara tidak langsung dapat memulihara dan mengekalkan kewujudan warisan permainan tradisi ini.

"Selain itu apa yang uniknya ia dapat menyatukan semua peserta yang terdiri dari pelbagai bangsa, agama dan negara.

"saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan mungkin konsep pertandingan boleh diadakan bagi memastikan kelangsungan permainan tradisional ini", katanya mengakhiri perbualan.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.